Gunung Berembun dipromosi ke peringkat antarabangsa

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Negeri Terengganu merancang menjadikan kawasan rekreasi Gunung Berembun di Dungun sebagai antara produk pelancongan bertaraf antarabangsa menjelang Tahun Melawat Terengganu 2027 menerusi penganjuran pelbagai acara dan promosi bersama media.

Program Eksplorasi Media ke Gunung Berembun yang berlangsung dua hari dengan penyertaan 39 pendaki termasuk tujuh wakil media baru-baru ini adalah antara inisiatif kerajaan negeri memperkenal destinasi berkenaan kepada masyarakat serta pelancong dari dalam dan luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datuk Razali Idris berkata, Gunung Berembun memiliki keunikan tersendiri dengan hutan hujan tropika yang masih terpelihara serta air terjun antara tertinggi di Asia Tenggara.

"Saya sendiri pertama kali mendaki Gunung Berembun bersama rakan-rakan media dan mendapati kawasan ini mempunyai potensi besar untuk diketengahkan sebagai destinasi pelancongan utama.

"Air terjunnya sangat luar biasa. Walaupun saya belum pernah melihatnya sebelum ini, mereka yang pernah sampai ke lokasi itu mengakui keindahannya. Sebab itu kita mahu mempromosikan Gunung Berembun bukan sahaja di peringkat domestik malah ke peringkat antarabangsa," katanya semasa Program Eksplorasi Media ke Gunung Berembun.

RAZALI Idris (duduk tiga dari kanan) bersama sebahagian petugas media yang menyertai ekspedisi pendakian ke puncak Gunung Berembun di Dungun, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY